



NEGERI PERAK

TAMBAHAN PERUNDANGAN

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
PK .P.U. 6/1986
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 1985**

Tarikh penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa:

16 Januari 1986
28 Disember 1984

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
Undang-Undang Kecil 2. Pindaan kepada Undang-undang Kecil 261.

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang Kecil berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1985** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 28hb Disember 1984.

2. Pindaan kepada Undang-undang Kecil 261.

Undang-undang Kecil 261 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [*Pk. PU. 87/84*] adalah dipinda dengan :

- (i) menggantikan perkataan “dan” yang terdapat di baris keempat dengan koma;
- (ii) memasukkan perkataan-perkataan “dan Undang-undang Kecil Bayaran Pelan Bangunan dan Susunatur (Majlis Daerah Kerian) 1985” selepas sahaja “1982” yang terdapat di dalamnya;
- (iii) menambah di nota birai perkataan dan angka “Pk. PU. †”.

Dibuat pada 17hb Oktober 1985.
[PSUK Pk. (KT) 21149/6; PU Pk. 36/76 Bhg. III.]

MOHD SHAHAR BIN HJ. ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Perak

NOTA : Masukkan Bil. Pk. PU. yang berkenaan bagi Undang-undang Kecil Bayaran Pelan Bangunan dan Susunatur (Majlis Daerah Kerian) 1985 apabila ianya disiarkan di tempat yang bertanda “†”.